

Mohammad berkata, pasukan bomba atas air ini sememangnya terlatih dan dilengkapi dengan pelbagai kecekapan dalam menghadapi kecemasan sama ada di air ataupun darat.

Terdahulu, seramai 132 anggota bomba tamat latihan berkenaan selepas menjalani latihan lebih empat bulan.

Mohammad berkata, anggota bomba itu diberikan latihan bagi meningkatkan kemahiran untuk kesiapsiagaan ketika menghadapi pelbagai kes kecemasan.

Katanya, kecekapan itu penting supaya pasukan bomba bertugas dapat memberi perkhidmatan menyelamatkan dan memadamkan api kebakaran dengan lebih efektif.

"Kita sudah melatih 898 anggota di tiga akademi bomba seluruh negara membabitkan 689 di Terengganu, 77 di Sarawak dan 132 di Sabah. Bagi tahun depan pula, JBPM dijangka akan melatih seramai 400 anggota," katanya.